

12 SEP 2003

Bajet-Abdullah/I

BAJET 2004 SATU AMALAN PENGURUSAN KEWANGAN YANG CERMAT

KUALA LUMPUR, 12 Sept (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata Bajet 2004 merupakan satu amalan pengurusan kewangan yang cermat dan pengukuhan fiskal.

Beliau berkata faktor-faktor luaran seperti kegawatan ekonomi Amerika Syarikat, perang di Iraq dan Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS) telah menjejaskan Malaysia dan menghalang kerajaan daripada menyediakan bajet berimbang.

"Tetapi kita telah membuat kawalan dengan memastikan defisit berada pada kadar yang boleh diterima sementara pada masa sama memastikan semua sektor masyarakat mendapat manfaat.

"Ini tentu dapat mengurangkan kebimbangan pihak yang berpendapat kadar defisit mungkin lebih tinggi dan memaparkan betapa rakyat biasa terus mendapat pembelaan," kata Abdullah kepada Bernama ketika mengulas pembentangan bajet oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dewan Rakyat hari ini.

Dr Mahathir membentangkan Bajet 2004 yang menggariskan beberapa inisiatif polisi berani yang mengambil kira perkembangan pantas ekonomi dan sosial Malaysia selama setengah abad dan ke arah kesejahteraan rakyat Malaysia dalam abad ke-21.

Dr Mahathir, yang juga Menteri Kewangan, berkata bajet berkenaan mengguna pakai strategi serampang lima mata yang mengambil kira prestasi separuh pertama pelan pembangunan lima tahun ke-8 bagi memastikan pelaksanaan sepenuhnya dasar-dasar pembangunan dan strategi untuk negara.

Bajet 2004, dengan perbelanjaan sebanyak RM112.5 bilion, merupakan pengurangan sebanyak 1.6 peratus daripada RM114.3 bilion perbelanjaan pada Bajet 2003.

Berdasarkan kepada anggaran pendapatan sebanyak RM95.6 bilion, Bajet 2004 akan menyaksikan defisit belanjawan yang lebih kecil memandangkan keseluruhan defisit Kerajaan Persekutuan dijangka dikurangkan kepada 3.3 peratus daripada Keluaran Negara Kasar (KNK) berbanding dengan 5.4 peratus pada 2003.

Abdullah yang menyifatkan bajet terakhir sebelum persaraan Dr Mahathir Oktober ini sebagai "bajet penyayang", berkata peruntukan besar kepada sektor pendidikan menunjukkan kerajaan serius bagi memastikan Malaysia terus melahirkan modal sumber manusia berpengetahuan demi pembangunan masa depan negara.

Kerajaan mencadang peruntukan sebanyak RM20.2 bilion kepada sektor pendidikan yang merupakan satu perempat daripada peruntukan perbelanjaan mengurus 2004.

Timbalan Perdana Menteri berkata Bajet 2004 memberi manfaat kepada semua golongan yang memerlukan bantuan seperti peniaga kecil, usahawan industri kecil dan sederhana, pelajar, penyolidik, pesakit, orang kurang berupaya, ibu tunggal, bekas pejuang (Dana Merdeka) dan peneroka Felda.

Abdullah berkata sebenarnya, ia adalah satu belanjawan yang benar-benar prihatin dan bertimbang rasa, dan membantu mereka yang memerlukan bantuan.

"Langkah dan strategi yang dinyatakan dalam bajet akan merangsang ekonomi domestik dan mencergas dan meluaskan pasaran domestik.

"Pendekatan untuk menjadikan negara kita sebagai sebuah negara perdagangan dan juga untuk menghasilkan barangan tempatan yang bermutu tinggi dan berdaya saing di pasaran antarabangsa," katanya.

Beliau berkata strategi untuk menggalakkan pelaburan langsung domestik

adalah langkah yang bijak ketika pelaburan langsung asing sedang berkurangan.

Katanya, langkah itu akan membantu perusahaan domestik, terutamanya industri kecil dan sederhana menerima suntikan modal untuk berkembang.

-- BERNAMA
MFJ MFJ MOZ